



**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2009**

**PEMBATALAN PENGUATKUASAAN SYARAT SIMPANAN WAJIB DALAM  
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN) BAGI MELAYAKKAN  
PELAJAR MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pembatalan penguatkuasaan syarat simpanan wajib dalam SSPN bagi melayakkan pelajar memohon pembiayaan pendidikan PTPTN.

**LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling PTPTN Bilangan 5 Tahun 2007 telah menjelaskan mengenai dasar-dasar baru Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang antara lainnya mensyaratkan simpanan wajib dalam SSPN bagi melayakkan pelajar memohon pembiayaan pendidikan PTPTN. Dengan pelaksanaan dasar baru tersebut, syarat simpanan wajib dalam SSPN telah dikuatkuasakan sebagai syarat tambahan kepada syarat-syarat kelayakan memohon pinjaman pendidikan yang digariskan secara terperinci di dalam Surat Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2005.

3. Berdasarkan kepada keputusan Y.B Menteri Pengajian Tinggi, bagi tujuan permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN, syarat untuk mempunyai simpanan wajib SSPN kini tidak lagi dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, ibu bapa pelajar masih digalakkan untuk membuat penabungan melalui SSPN bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak mereka.

**PELAKSANAAN**

4. Dengan pelaksanaan keputusan tersebut, syarat simpanan wajib dalam SSPN bagi melayakkan pelajar memohon pembiayaan pendidikan PTPTN di dalam Pekeliling PTPTN Bilangan 5 Tahun 2007 kini tidak lagi dikuatkuasakan.

**TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **18 Mei 2009**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(YUNUS BIN ABD GHANI)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh : 8 Jun 2009